

## **Perkembangan Dramatari dan Kostum Makyong Kelantan**

<sup>1</sup>Fatimah Zuhaira Mohamed Yusoff Fauzi, <sup>2</sup>Wan Norliza Wan Bakar

<sup>3</sup>Rozita Shamsuddin, <sup>4</sup>Raja Norazila Raja Mohd Yusoff

<sup>1</sup>Faculty of Information Management, Universiti Teknologi MARA (Kelantan)

<sup>2</sup>Faculty of Science Computer and Mathematics, Universiti Teknologi MARA (Kelantan)

<sup>3,4</sup>Faculty of Art and Design, Universiti Teknologi MARA (Kelantan)

### **Abstrak**

*Makyong merupakan salah satu kesenian warisan tradisional yang terkenal dan menjadi kebanggaan orang Melayu khususnya di Kelantan (Malaysia) dan di selatan Thailand (Patani) amnya. Makyong juga telah diiktiraf oleh UNESCO sebagai "World Intangible Heritage of Humanity". Persembahan Makyong dikatakan bermula di istana raja dan hanya dipersembahkan untuk tontonan kerabat diraja sahaja pada satu ketika dahulu. Makyong kemudiannya dipersembahkan untuk tontonan rakyat jelata pula. Persembahan Makyong telah melalui perubahan dan penyesuaian dari segi persembahan penceritaan, pakaian serta perhiasan yang digunapakai semasa persembahannya. Walau bagaimanapun, kertas kerja ini hanya akan membincangkan analisis perubahan dan penyesuaian pakaian dan perhiasan dalam dramatari makyong dari aspek agama, politik, sosial, ekonomi dan kebudayaan dari tahun 1920an sehingga tahun 2016.*

**Katakunci:** makyong; dramatari; pakaian; perhiasan

## **1. PENGENALAN**

Makyong merupakan salah satu kesenian warisan tradisional yang terkenal dan menjadi kebanggaan orang Melayu khususnya di Kelantan (Malaysia) dan di selatan Thailand (Patani) amnya. Makyong yang juga dirujuk sebagai dramatari kerana persembahan drama tari Makyong menyatukan unsur-unsur ritual, lakonan dan tarian yang digayakan, muzik vokal dan instrumental, lagu, cerita dan teks percakapan yang formal dan bersahaja. Makyong juga dianggap sebagai teater tradisional Melayu yang paling unik kerana ia adalah satu seni persembahan melayu yang amat kaya dengan unsur teater. Dalam persembahannya terdapat unsur seperti lakonan, tarian, ritual, lelucon dan muzik. (Rahimidin Zahari & Sutung Umar RS, 2011).

Drama tari makyong kekal sebagai salah satu kesenian warisan tradisional yang terkenal dan menjadi kebanggaan orang Melayu khususnya di Kelantan (Malaysia) dan di selatan Thailand (Patani) amnya. Makyong juga telah diiktiraf oleh UNESCO sebagai "The Oral and Intangible Heritage of Humanity" pada tahun 2001. (Rahimidin Zahari & Sutung Umar RS, 2011).

## **2. FRASA PERKEMBANGAN MAKYONG KELANTAN**

Persembahan Makyong bermula di istana raja dan hanya dipersembahkan untuk tontonan sultan dan kerabat diraja sahaja pada satu ketika dahulu. Pelakonnya terdiri daripada gadis-gadis muda dan jelita yang mengambil semua peranan lelaki dan perempuan kecuali watak-watak komedi atau 'peran'. Lahirnya keadaan begini kerana makyong merupakan hiburan bagi permaisuri-permaisuri dan puteri puteri raja dan pada satu ketika dahulu, dan ianya hanya dipersembah di dalam istana. Oleh kerana bimbang sekiranya permaisuri dan puteri – puteri raja ini jatuh hati kepada pelakon-pelakon makyong (sekiranya pelakon makyong terdiri dari

lelaki) semasa raja atau pembesar-pembesar meninggalkan istana untuk menjaga keselamatan negeri dan lain-lain tugas di luar istana, maka pelakornya disyaratkan hanya terdiri daripada perempuan belaka.

Persembahan dramatari Makyong kemudiannya dipersembahkan untuk tontonan rakyat jelata selepas kemangkatan Tengku Temenggung di selatan Thailand, selepas pemerintahan Jepun dan semasa pemerintahan British dengan dikenakan bayaran. Pementasan dramatari Makyong di kampung-kampung pula dilakukan di atas panggung Makyong yang dibina beberapa meter dari atas tanah. Panggung Makyong terdiri dari lantai dan bumbung tanpa dinding. Persembahan dibuat di tengah-tengah panggung, sementara pemuzik, pelakon dan lain-lain kru dramatari Makyong pula akan berada di tepi pentas. Perubahan pementasan dramatari Makyong dari istana untuk golongan pemerintah kepada rakyat jelata pula secara jelas telah menunjukkan kepada kita bagaimana dramatari Makyong telah melalui frasa perubahan dan penyesuaian dari segi persembahan penceritaan, pakaian serta perhiasan yang digunapakai semasa persembahannya. Walau bagaimanapun, kertas kerja ini hanya akan membincangkan analisis perubahan dan penyesuaian pakaian dan perhiasan sahaja dalam persembahan dramatari makyong.

Analisis perkembangan Makyong di Kelantan berlaku dalam beberapa frasa yang penting yang akhirnya membentuk dramatari makyong sebagaimana yang dapat kita lihat pada hari ini. Terdapat beberapa frasa yang akan dibincangkan dalam kertas kerja ini. Perbincangan ini merangkumi aspek agama, politik, ekonomi, sosial dan kebudayaan yang sedikit sebanyak telah memberi impak terhadap perkembangan dramatari Makyong. Frasa-frasa tersebut ialah:

- 1.1 Zaman Kampung Temenggung (1930-an)
- 1.2 Zaman selepas perang Dunia Kedua dan Kedatangan British ke Kelantan
- 1.3 Zaman Kumpulan Seri Temenggung (tahun 1969)
- 1.4 Zaman selepas Primadona Khadijah Awang (2000-2016)

### **2.1 Zaman Kampung Temenggung (1930an)**

Tokoh-tokoh dramatari Makyong berpendapat bahawa zaman kegemilangan dramatari Makyong bermula pada tahun 1930-an hingga 1940-an. Pada waktu ini pelbagai kumpulan dramatari Makyong yang muncul telah merencanakan persembahan dramatari Makyong ketika itu.

Sokongan padu yang diterima dari Tengku Temenggung atau Long Abdul Ghaffar ibni Sultan Muhammad 11 (1879-1935) juga turut membantu dalam penambahbaikan mutu persembahan kumpulan dramatari Makyong ketika itu. Inisiatif Tengku Temenggung yang terkenal alim dan berpengetahuan dalam urusan-urusan agama turut membantu perkembangan dramatari Makyong ketika itu. Tengku Temenggung telah mengumpulkan kumpulan-kumpulan Makyong di satu penempatan yang dikenali sebagai Kampung Temenggung bagi menjaga mutu persembahan anak-anak Makyong dari pelbagai kumpulan Makyong yang wujud ketika itu. Inisiatif baginda telah meningkatkan lagi mutu persembahan dramatari Makyong apabila ahli-ahli kumpulan Makyong dapat menjalani latihan untuk pementasan secara bersungguh-sungguh. Ini ditambah pula dengan sikap prihatin yang ditunjukkan oleh Tengku Temenggung yang turut menjaga dan mengambil berat masalah setiap anggota kumpulan Makyong.

Selain dari mempunyai kepakaran dalam dramatari Makyong, Tengku Temenggung juga merupakan seorang yang alim. Justeru itu, di samping terlibat dalam dramatari Makyong, anak-anak Makyong atau sesiapa yang terlibat dengan pementasan dramatari Makyong diwajibkan menuntut ilmu-ilmu agama yang diadakan di Masjid Muhammadi serta di pondok-pondok pengajian agama yang terdapat di sekitar Perkampungan Tengku Temenggung (perkampungan anak-anak Makyong ketika itu) di Kota Bharu.

Inisiatif yang telah diambil oleh Tengku Temenggung untuk menubuhkan Tribunal Diraja yang berfungsi memantau aktiviti persembahan dramatari Makyong yang ada pada ketika itu turut menyumbang kepada peningkatan permintaan terhadap hiburan dramatari tersebut. Antara tujuan Tribunal Diraja ditubuhkan ialah:

- i. Untuk memantau aktiviti dramatari Makyong agar ianya tidak dicemari dengan kegiatan yang bertentangan dengan agama Islam.
- ii. Untuk menguji kemahiran dan pengalaman ketua kumpulan dramatari Makyong agar mutu persembahan kumpulan –kumpulan Makyong terpelihara
- iii. Untuk memastikan semua pihak yang terlibat dengan dramatari Makyong mendapat hak atau ganjaran yang setimpal dengan sumbangan mereka

Pengenalan Tribunal Diraja ini merupakan titik tolak penetapan garis panduan bagi skim bayaran kepada pemain-pemain yang terlibat dalam persembahan dramatari Makyong.

### **2.2 Zaman penjajahan Jepun dan British (1940-an hingga 1950an)**

Zaman ini merujuk kepada frasa masa kemasukan tentera Jepun ke Kelantan pada 8 Disember 1941 di Pantai Sabak, Kota Bharu. Frasa ini juga merangkumi frasa selepas perang Dunia Kedua pada tahun 1945 apabila tentera Jepun menyerah kalah dan kedatangan British ke Kelantan. Zaman ini juga dirujuk sebagai zaman kegawatan dalam perkembangan dramatari Makyong. Kegawatan ekonomi yang berlaku pada ketika ini bukan hanya kepada golongan pemerintah tetapi juga melibatkan rakyat jelata ternyata telah merencat perkembangan Makyong. Kemangkatan Tengku Temenggung yang merupakan tonggak atau penaung kepada aktiviti dramatari Makyong di istana juga merupakan pengakhiran kepada dramatari Makyong sebagai satu dramatari elit yang persembahannya hanya boleh didapati di istana sahaja. Tradisi pengawalan kesenian dramatari Makyong di istana lenyap dengan kemangkatan Tengku Temenggung pada tahun 1935 di selatan Thailand.

Anak-anak Makyong yang dahulunya dikawalselia oleh pihak istana terpaksa bergerak sendiri untuk “survival” ekonomi mereka. Kumpulan-kumpulan dramatari Makyong mula ditubuhkan oleh pasangan suami-isteri yang dulunya sama-sama bergiat secara aktif dalam kumpulan dramatari Makyong di istana. Pada frasa ini persembahan dramatari Makyong mula keluar dari istana dan dipersembahkan di kampung-kampung. Kumpulan –kumpulan Makyong bergerak secara sendiri (dengan menggunakan perbelanjaan sendiri) tanpa seliaan dari golongan pemerintah sebagaimana sebelumnya.

Persembahan dramatari Makyong mula mengalami perubahan dan disesuaikan dari segi cerita, geraktari dan lagu bagi memenuhi keperluan sasaran penonton yang terdiri dari golongan rakyat jelata. Kemerosotan persembahan berlaku kerana rakyat jelata yang terdiri dari orang-orang kampung yang bekerja sebagai petani dan nelayan lebih berminat kepada gaya persembahan dan penceritaan dramatari Makyong yang lebih mudah mereka fahami. Justeru itu, gaya persembahan dan penceritaan dramatari Makyong berubah untuk memenuhi permintaan khalayak penonton. Gaya persembahan dan penceritaan dramatari Makyong mula mengandungi unsur-unsur komedi rendah yang boleh membuatkan kalangan penonton ketawa dan terhibur dengan persembahan mereka.

Tarian dan nyanyian dalam dramatari Makyong juga dipendekkan agar kalangan penonton yang terdiri dari golongan rakyat biasa tidak bosan. Oleh yang demikian, tempoh persembahan cerita-cerita Makyong yang dahulunya mengambil antara masa empat (4) hingga lima (5) malam telah dipendekkan untuk memenuhi kehendak penonton.

Dari segi sosialnya pula, ketiadaan kawalselia terhadap anak-anak Makyong dalam kumpulan-kumpulan Makyong menyebabkan berlakunya keruntuhan moral di kalangan anak-anak

Makyong. Kebebasan bersosial di kalangan anak-anak Makyong bukan hanya menyumbang kepada keruntuhan moral sahaja malahan ianya juga menyebabkan nilai-nilai agama Islam itu sendiri tergugat. Faktor ini juga menyebabkan Makyong kurang popular. Golongan muda kurang berminat untuk mempelajari Makyong atau sekiranya mereka berminat, golongan ibubapa akan menghalang anak-anak mereka dari mempelajari atau bergiat dalam Makyong.

### **2.3 Zaman Kumpulan Seri Temenggung (tahun 1969)**

Pada tahun 1969, sebuah kumpulan dramatari Makyong yang diberi nama Kumpulan Seri Temenggung telah ditubuhkan untuk memperjuangkan dan mengangkat kesenian tradisional ke tahap yang gemilang semula. Kumpulan Seri Temenggung telah dipelopori oleh Puan Khatijah Awang yang mendapat bimbingan daripada Cik Kemala, ibu mertua Puan Khatijah sendiri. Che Kemala Muhammad juga selaku guru dramatari Makyong Puan Khatijah yang paling utama, juga merupakan seorang anak Makyong yang terkenal di zaman Tengku Temenggung.

Puan Khatijah merancang kegiatan Kumpulan Seri Temenggung dengan teliti. Di bawah naungan penuh bekas Menteri Besar Kelantan, Tan Sri Datuk Nik Ahmad Kamil, juga selaku Yang Dipertua Dewan Negara, Kumpulan Seri Temenggung telah berjaya menubuhkan satu tabung khas untuk menjaga kebajikan ahlinya. Elaun bulanan dan kemudahan penginapan yang disediakan kepada ahli Kumpulan Seri Temenggung ini adalah bertujuan supaya ahli kumpulan ini boleh berlatih dan terlibat sepenuh masa dengan aktiviti mereka. Anjung rumah pasangan Khatijah Awang dan Zakaria Abdullah di Dusun Muda, Jalan Bayam, Kota Bharu telah dijadikan pusat aktiviti dan latihan mereka.

Kumpulan Seri Temenggung juga berjaya melakukan persembahan di luar negara. Antara negara yang dikunjungi untuk membuat persembahan adalah di Bonn, Jerman pada tahun 1980 dengan cerita temanya 'Dewa Indera Indera Dewa, Makyong Ramayana di Indonesia pada tahun 1971, Anak Raja Tangkai Hati di Singapura pada tahun 1971. 'The Last Makyong' di Singapura pada tahun 1995, dan 'Anak Raja Gondang' juga di Singapura pada tahun 1996.

### **2.4 Zaman selepas Primadona Khatijah Awang (2000 – 2016)**

Pemergian primadona Makyong Khatijah Awang menemui Penciptanya pada 13 September 2000 merupakan satu kehilangan yang sangat besar kepada industri dramatari Makyong di Malaysia. Walaupun yang pergi tidak akan sama dengan pengganti, namun dramatari Makyong perlu diwariskan kepada pengganti untuk kesinambungan industri Makyong di Kelantan khususnya dan di Malaysia amnya. Murid-murid Primadona Khatijah Awang sama ada yang menerima ilmu di Jalan Bayam, (Kota Bharu, Kelantan) di Singapura atau di Akademi Seni Kebangsaan di Kuala Lumpur merupakan pengganti beliau untuk meneruskan kegemilangan dramatari Makyong.

Warisan Kumpulan Seri Temenggung diteruskan apabila anak-anak dan menantu primadona Khatijah Awang menggalas tanggungjawab meneruskan perjuangan bonda mereka secara menyumbang tenaga mereka sebagai guru atau pengajar dramatari Makyong di Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Kelantan. Sumbangan itu dimulai oleh arwah Encik Shaari bin Zakaria (2006-2007), Puan Norhayati Zakaria (2007-2008), Puan Rohani Ahmad (2008-kini). Di Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Kelantan ini mereka mengajar dan melatih golongan remaja sebagai pelapis untuk dramatari makyong.

Para pelapis dramatari Makyong ini juga dibawa untuk mengadakan persembahan dramatari Makyong di Kelantan dan di luar Kelantan. Antara persembahan besar yang diadakan ialah Persembahan Jelajah Makyong 2012. Untuk persembahan ini, kumpulan Makyong di bawah kelolaan Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Kelantan telah mengadakan persembahan dan bengkel berkenaan dramatari Makyong di universiti, kolej universiti dan

pertubuhan bukan kerajaan di enam buah negeri di Malaysia iaitu di Sabah, Johor, Selangor, Pulau Pinang, Kedah dan Pahang.

### **3. WATAK – WATAK PENTING DALAM DRAMATARI MAKYONG**

Terdapat banyak watak yang menjayakan dramatari Makyong. Walau bagaimanapun bagi tujuan perbincangan dalam kertas kerja ini, hanya watak-watak penting sahaja yang diambil kira. Watak-watak penting dalam dramatari Makyong ialah Peran dan Peran Tua, Pakyong dan Pakyong Muda, Makyong dan Makyong puteri dan dayang-dayang.

#### **3.1 Peran Tua dan Peran Muda**

Peran merupakan watak penting dalam persembahan dramatari makyong. Menurut pendapat beberapa pengkaji Makyong, watak Peran Tua dikatakan lebih penting dari watak Pakyong. Keadaan ini adalah disebabkan Peran Tua mempunyai pelbagai tanggungjawab dalam menjayakan pementasan dramatari Makyong (Rahimudin Zahari & Sutung Umar RS, 2011). Antara peranan Peran *Tua ialah sebagai* pengasuh dan penasihat raja selain dari peranannya sebagai pelawak.

Oleh yang demikian, pelakon yang memegang watak Peran Tua perlu mempunyai kekuatan fizikal dan mental. Pelakon watak Peran juga perlu mempunyai bakat komedi. Mereka perlu berkemampuan dalam mempelbagai dialog, lakonan dan juga nyanyian.

#### **3.2 Pak Yong dan Pak Yong Muda**

Pak Yong dan Pak Yong Muda merupakan watak untuk raja dan putera raja. Pak Yong menjadi raja atau pemerintah dan menjadi tulang belakang dalam cerita Makyong. Sementara itu, Pak Yong Muda merupakan watak utama atau hero dalam dalam cerita Mak Yong. Watak Pak Yong Muda mengalami berbagai-bagai peristiwa sejak Pak Yong Muda dilahirkan sehinggalah Pak Yong Muda dewasa. Cerita Makyong berkisar di sekitar dugaan dan halangan yang perlu ditempuhi oleh Pak Yong Muda dalam menempuh kehidupan dan bagaimana Pak Yong Muda berjaya mengatasi pelbagai dugaan dan halangan ini.

#### **3.3 Mak Yong dan Puteri Mak Yong**

Mak Yong merupakan watak permaisuri dalam dramatari Makyong. Dalam sesetengah cerita Mak Yong, permaisuri menjadi watak utama. Sementara itu, puteri Mak Yong merupakan puteri raja dan memegang watak heroin dalam cerita-cerita dramatari Makyong.

#### **3.4 Dayang-dayang**

Terdiri daripada gadis-gadis muda dan manja yang juga bertindak sebagai penari atau pengiring Mak Yong atau Puteri Mak Yong. Watak dayang-dayang merupakan watak-watak yang ramai bilangannya di dalam dramatari Mak Yong.

Selain daripada watak-watak yang tersebut di atas, watak-watak jahat tidak ketinggalan, seperti raja jin dan sebagainya yang merupakan pihak lawan kepada watak-watak baik di atas.

### **4. BUSANA DALAM DRAMATARI MAKYONG**

Di dalam apa jua persembahan Makyong elemen prop, pakaian dan solekan yang khusus adalah suatu kemestian yang akan mengindahkan lagi sesuatu persembahan. Pakaian watak-watak adalah lengkap dan mahal harganya. Watak-watak penting dalam Makyong

diberikan nama khas dan setiap watak mempunyai pakaian lengkapnya sendiri walau untuk apa cerita sekalipun.

#### **4.1 Busana Peran Tua dan Peran Muda**

Peran Tua dan Peran Muda memakai pakaian seharian penduduk desa. Watak Peran hanya memakai kain sarung tanpa memakai baju. Pada pinggang Peran diikat sehelai kain yang juga boleh dipakai di kepala sebagai semutar atau menutupi sebahagian dada Peran. Bahagian kepala Peran Tua dan Peran Muda memakai sehelai kain yang dikenali dengan nama semutar yang dililit di kepala yang berfungsi sebagai penutup kepala atau untuk mengelap peluh.

Watak Peran Tua dan Peran Muda kemudiannya memakai baju berlengan pendek dan berleher bulat. Pemakaian begini sesuai dengan keperluan menutup aurat pelakon lelaki dari pandangan penonton perempuan. Pemakaian kain sarung ditukar kepada seluar panjang. Seluarnya pula merupakan seluar yang diperbuat dari kain kapas berwarna hitam. Peran juga memakai kain yang diikat di bahagian punggung yang berfungsi sebagai kain samping. Kain yang biasa digunakan untuk diikat sebagai samping ialah kain batik sarung perempuan atau kain pelikat.

Selain dari memakai semutar, watak Peran juga memakai songkok atau kopiah yang dipakai di luar kebiasaan pemakaian songkok atau kopiah, seperti dipakai secara senget atau menyerong untuk menimbulkan unsur-unsur lucu pada watak tersebut.

Mutakhir ini, pementasan dramatari Makyong di mana watak Peran memakai 'overcoat' atau 'vest' kotak-kotak atau warna terang untuk menarik perhatian penonton. Untuk pemakaian busana sebegini, Peran akan memakai baju Pagoda berwarna putih di bahagian dalam 'overcoat' atau 'vest'. Pemakaian sebegini memerlukan kos yang lebih dan biasanya dipakai untuk pementasan yang besar dan utama. Kumpulan dramatari Makyong ini juga mempunyai belanjawan yang besar dan pementasannya dirancang dengan teliti terlebih dahulu.

#### **4.2 Busana Pak Yong dan Pak Yong Muda**

Watak Pakyong dan Pakyong Muda memakai busana yang serupa. Sementara untuk busana *pula*, Pakyong dan Pakyong Muda memakai baju tangan pendek berwarna hitam atau biru tua. Walau bagaimanapun, pemakaian warna hitam atau biru tua sahaja tidak lagi diamalkan sekarang. Oleh kerana pementasan dilakukan di dewan yang disinari lampu-lampu yang bergemerlapan, warna busana Pakyong dan Pakyong Muda tidak lagi terhad kepada warna hitam atau biru tua seperti satu masa dahulu.

Samping pula dipakai pada bahagian pinggang Pakyong dan Pakyong Muda. Bengkung diikat pada bahagian sebelah atas samping, secara melilit samping untuk menutupi bahagian punggung Pakyong dan Pakyong Muda. Sebelah keris kecil yang dinamakan Keris Sempena Berang turut diselit di bawah bengkung. Keris ini merupakan simbol pakaian rasmi raja dan diselit di sebelah kiri pinggang Pakyong dan Pakyong Muda.

#### **4.3 Busana Mak Yong dan Mak Yong Puteri**

Pakaian Mak Yong dan juga Makyong Puteri ialah baju kebaya labuh sutera berlengan panjang. Bahagian depan baju disemat kerongsang emas dan permata. Kain sarung juga diperbuat dari sutera yang labuhnya sampai ke kaki diikat dengan tali pinggang. Busana Makyong dan Makyong puteri pada zaman Kumpulan Seri Temenggong ditukar kepada pakaian berkemban dipakai bersama kain sutera yang labuh sampai ke kaki dan yang diikat dengan talipinggang atau pending di bahagian pinggang. Material yang digunakan bertukar dari kain broket keemasan (semasa Primadona Khatijah Awang) kepada kain songket yang bermutu tinggi dengan bunga songket yang penuh pada masa ini. Keadaan ini disebabkan busana pemain Makyong mendapat tajaan kerajaan melalui Jabatan Kebudayaan dan

Kesenian Negara Kelantan. Pada masa sekarang, Kumpulan Seri Temenggong melalui Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negeri Kelantan masih mengekalkan busana Makyong dan Makyong puteri (pakaian berkemban) tetapi untuk menutup bahagian yang terdedah, pelakon watak tersebut akan memakai 'inner'.

#### **4.4 Busana Dayang-dayang**


Di awal persembahan Mak Yong pakaian dayang-dayang lebih kepada penonjolan status dan kedudukan mereka dalam dramatari Makyong. Pakaian yang dipakai adalah baju kebaya dan baju kurung kosong tanpa corak dengan bahan dan warna yang lebih sederhana. Selepas itu perkembangan pakaian dayang-dayang berkembang mengikut zaman. Pemakaian dayang-dayang berubah kepada pakaian kain kemban, broked keemasan, dengan kain ketat dengan sibar layang. Pada zaman sekarang pakaian dayang-dayang menjurus kepada pakaian yang lebih sopan dan mengikut adat resam Melayu, dan ada sesetengah persembahan pemakaian tudung juga menjadi suatu kebiasaan kepada mereka.

### **5. AKSESORI DALAM DRAMATARI MAKYONG**

Pada awalnya aksesori hanya dipakai untuk watak Pakyong dan Pakyong Muda sahaja. Walau bagaimanapun, perubahan frasa dalam pementasan dramatari Makyong apabila ianya dipersembah di balairong dalam istana menyebabkan aksesori watak-watak lain juga diubah dan disesuaikan untuk pementasan dalam istana. Apabila pementasan dramatari Makyong dipersembah kepada rakyat jelata (setelah kemangkatan Tengku Temenggung) oleh kumpulan-kumpulan dramatari Makyong secara bersendirian dan atas kos kumpulan sendiri, aksesori yang dipakai oleh penari-penari Makyong juga berdasarkan kemampuan kumpulan-kumpulan masing-masing. Begitu juga apabila primadona Khatijah Awang menubuhkan Kumpulan Seri Temenggung dan zaman selepasnya.

#### **5.1 Aksesori Peran**

Untuk menjayakan watak lucu, aksesori Peran disesuaikan agar menimbulkan kesan visual pada watak. Solekan pada wajah Peran juga dibuat untuk memaparkan kesan lucu dengan beberapa contengan di bahagian muka. Pemakaian kopiah atau songkok secara senget misalnya untuk disesuaikan dengan watak Peran sebagai orang suruhan raja atau Pak Yong. Peran juga membawa sebilah parang tumpul yang dibuat dari logam gangsa atau besi. Walau bagaimanapun, mutakhir ini, parang tumpul yang digunakan oleh watak Peran dibuat dari kayu yang nipis dan dicat dengan perak atau warna yang menyerupai warna logam.



Rajah 1: Busana dan aksesori Peran

**5.2 Aksesori Pak Yong dan Pak Yong Muda**

Pak Yong dan Pak Yong Muda memakai mahkota atau dikenali juga dengan nama setanjak di kepala. Mahkota atau setanjak ini diperbuat dari kain baldu dan dihias dengan permata mutu manikam serta bahagian tepi yang berkilau. Bentuk setanjak atau mahkota Pak Yong adalah tinggi di bahagian atas dan rendah di bahagian tepi atau kedua-dua sisi kiri dan kanan mahkota atau setanjak. Bahagian atas mahkota atau setanjak dihias dengan beberapa kuntum bunga melur. Beberapa ikatan bunga melur juga digantung pada bahagian atas telinga kiri Pak Yong dan Pak Yong Muda.

Hiasan "Lai" yang dibuat dari manik-manik dan mutu manikam dipakai di bahagian atas busana Pak Yong dan Pak Yong Muda. Labuh hiasan "Lai" ialah dari tengkuk hingga hampir ke pinggang Pak Yong dan Pak Yong Muda. Di bahagian pinggang Pak Yong disisip sebilah keris tanpa mata. Pada zaman dahulu, keris disisip di pinggang Pak Yong merupakan keris asli, walaupun dalam adegan dramatari Mak Yong, Pak Yong atau raja tidak mencabut kerisnya dari sarung keris yang terselit di pinggang raja. Tangan kanan Pak Yong pula memegang tujuh batang rotan halus 47cm panjang. Rotan ini dikenali sebagai pemiati dan rotan ini digunakan untuk memiati atau memukul orang suruhan raja yang dikenali juga dengan nama orang lawak atau peran.

Hiasan yang dibuat dari manik-manik yang bergemerlapan dipakai di bahagian dada Pak Yong dan Pak Yong Muda. Hiasan ini dikenali sebagai Lal. Labuh Lal ialah dari pangkal tengkuk hingga ke pinggang. Hiasan Lal dipakai di atas baju Pak Yong dan Pak Yong Muda.



Rajah 2: Busana dan aksesori Pak Yong

**5.3 Aksesori Mak Yong dan Mak Yong puteri**

Tali pinggang ini dikenali sebagai pending. Pending Makyong dan Makyong Puteri selalunya dihias dengan batu permata. Pending Makyong lebih cantik dari pending Makyong puteri. Pada zaman dahulu, pending dibuat dari logam emas, perak atau tembaga. Walau bagaimanapun, perhiasan pending kini dibuat dari logam perak atau pending yang dibuat dari



kertas tebal yang dibalut dengan kain baldu serta dihias dengan batu permata. Sehelai kain sibar tergantung di bahu kiri Mak Yong dan diselit di bawah pending. Kain sibar biasanya bertekak benang emas dan panjangnya dari bahu hingga ke paras lutut.



Rajah 3: Busana dan aksesori Mak Yong

#### **5.4 Aksesori Dayang-dayang**

Sibar layang iaitu juraian manik berkolar yang menghiasi bahagian dada juga merupakan elemen penting di dalam pakaian penari-penari Makyong . Sibar layang ini juga turut dipakai oleh dayang-dayang. Sibar layang yang dipakai oleh dayang-dayang ini direka di dalam rekaan yang berbeza bagi memudahkan penonton menilai perbezaan antara watak raja, permaisuri, puteri dan dayang. Ironinya dalam pementasan dramatari Makyong, sibar layang berkenaan kerap dipakai oleh kerabat diraja. Orang kebanyakan hanya memakai busana tradisional biasa.

Pemakaian dasar yang diletakkan di atas kepala sudah cukup menunjukkan signatur kostum dramatari Makyong yang bermaksud semangat padi. Dasta yang berbentuk mahkota itu diperbuat daripada kain baldu bermutu tinggi.



Rajah 4: Busana dan aksesori Dayang-dayang



Rajah 5: Primadona Mak Yong Puan Khatijah Awang dengan busana dan aksesori Makyong

## 6. KESIMPULAN

Perkembangan dramatari Makyong dan perkembangan pakaian serta perhiasan pelakon dramatari Makyong banyak dipengaruhi oleh elemen agama, politik, sosial, ekonomi dan kebudayaan yang berlaku dalam persekitaran sesebuah negara. Perubahan dari segi pakaian dan perhiasan dramatari makyong tidak dapat dielak. Perubahan ini sebenarnya adalah satu bentuk penyesuaian dan kelangsungan agar dramatari Makyong tetap diterima oleh khalayak penonton dan menjadi warisan budaya yang akan dikekalkan untuk rujukan generasi baru.

### **Rujukan**

- Cherry, B. J., & Adamson, M. Duclos, Hellige, J.B., (2005). Aging and Individual Variation in Interhemispheric Interaction and Hemispheric Asymmetry, *Aging, Neuropsychology and Cognition*, 12,316-339
- Gulam S., Y. (1976). *The Kelantan Mak Yong Dance Theatre. A Study of Performance Structure*. PhD Dissertation. University of Hawaii at Manoa.
- Jasman Ahmad dan Siti Zainon. (1996). *Mak Yong*. Malaysia: Penerbit Setiamas
- Mohd Ghouse Nasruddin. (1995). *The Malay Dance*. Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Rahimidin Zahari & Sutung Umar RS . (2011). *Makyong Warisan Mistik Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad.
- Ramlah Adam & Abdul Hakim Samuri. (2014). *Sejarah Malaysia Tingkatan Tiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Umi Abdullah (ed.).(2003). *Siri Mengenal Budaya Makyong 1*. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia.